

Sukma Sabah muncul juara Kejuhanan Grand Prix Sepak Takraw UMS

UB 15.12.2013 14
Oleh **KENNEDDY CORLLEUS**
utusanborneokk@gmail.com

KOTAKINABALU: Sukma Sabah mengenyakan cabaran 6 pasukan lain untuk muncul juara dalam Kejuhanan Grand Prix Sepak Takraw anjuran Kelab Kokurikulum Sukan Sepak Takraw, Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Pasukan Belia Kota Belud menduduki tangga kedua dengan 15-5, 15-13 berhadapan dengan pasukan Sukma Sabah dalam pertarungan yang dijalankan dalam sirkit pertama di

Dewan Kuliah Pusat, UMS baru-baru ini.

Kejuhanan yang berlangsung selama dua hari itu dirasmikan oleh Penolong Pendaftar Pusat Kokurikulum dan Pemajuan Pelajar, UMS, Hafiz Ampuan.

Menurut Hafiz, kejuhanan itu adalah salah satu program pengisian bagi penuntut UMS sepanjang bulan Disember ini sempena dengan program Siswa dan Siswi Prihatin UMS Sprint.

Katanya, program ini bertujuan untuk memberi

pendedahan kepada siswa dan siswi tentang pengelolaan kejuhanan grand prix takraw.

Antara pasukan yang menyertai kejuhanan itu adalah dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Majakir Papar, Belia Kota Belud Sabah, Belia Sahabat Nabawan dan SMK Jambatan Putih Tawau.

Kejuhanan Grand Prix Sepak Takraw anjuran Kelab Kokurikulum Sukan Sepak Takraw UMS telah ditaja sepenuhnya oleh Rejam Pallas dan Global Infinity.



(gambar atas) **JAWATANKUASA** kejuhanan merakamkan gambar kenangan bersama pasukan Sukma Sabah yang menjuarai perlawanan itu.

(gambar kiri) **SEBAHAGIAN** pasukan UMS merakamkan gambar kenangan ketika di kejuhanan itu.

(gambar kanan) **PIHAK** penganjur menyampaikan hadiah kepada sebahagian ahli pasukan Belia Kota Belud ketika di majlis itu.

